

PERINTAH PENUBUHAN TAMAN LAUT MALAYSIA 1994*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 41(1), Akta Perikanan 1985, Menteri membuat perintah yang berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Disember 1994.

2. Penubuhan taman laut.

(1) Pulau-pulau yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama dan Kedua yang terletak dalam negeri-negeri yang dinyatakan dalam ruang (2) dalam Jadual-Jadual yang sama adalah ditubuhkan sebagai taman laut dan hendaklah dikenali sebagai Taman Laut Malaysia.

(2) Had mana-mana kawasan atau sebahagian daripada sesuatu kawasan yang ditubuhkan sebagai taman laut hendaklah pada jarak dua batu nautika arah laut dari titik terluar pulau-pulau yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama yang diukur pada tikas air surut.

(3) Had mana-mana kawasan atau sebahagian daripada sesuatu kawasan yang ditubuhkan sebagai taman laut hendaklah pada jarak satu batu nautika arah laut dari titik terluar pulau yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua yang diukur pada tikas air surut.

3. Pembatalan.

Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia (Pulau Payar) 1989 adalah dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

<i>(1)</i> <i>Nama Pulau</i>	<i>(2)</i> <i>Negeri</i>
1. Pulau Redang	Terengganu
2. Pulau Perhentian Kecil	Terengganu
3. Pulau Perhentian Besar	Terengganu
4. Pulau Lang Tengah	Terengganu

* Diterbitkan sebagai PU(A) 401/94.

(1) <i>Nama Pulau</i>	(2) <i>Negeri</i>
5. Pulau Susu Dara	Terengganu
6. Pulau Lima	Terengganu
7. Pulau Ekor Tebu	Terengganu
8. Pulau Pinang	Terengganu
9. Pulau Tioman	Pahang
10. Pulau Labas	Pahang
11. Pulau Sepoi	Pahang
12. Pulau Gut	Pahang
13. Pulau Tokong Bahara	Pahang
14. Pulau Chebeh	Pahang
15. Pulau Tulai	Pahang
16. Pulau Sembilang	Pahang
17. Pulau Seri Buat	Pahang
18. Pulau Rawa	Johor
19. Pulau Hujung	Johor
20. Pulau Tengah	Johor
21. Pulau Besar	Johor
22. Pulau Tinggi	Johor
23. Pulau Aur	Johor
24. Pulau Pemanggil	Johor
25. Pulau Harimau	Johor
26. Pulau Goal	Johor
27. Pulau Mensirip	Johor
28. Pulau Sibu	Johor
29. Pulau Sibu Hujung	Johor
30. Pulau Mentinggi	Johor
31. Pulau Kaca	Kedah
32. Pulau Lembu	Kedah
33. Pulau Payar	Kedah
34. Pulau Segantang	Kedah
35. Pulau Kuraman	Wilayah Persekutuan Labuan

<i>(1)</i> <i>Nama Pulau</i>	<i>(2)</i> <i>Negeri</i>	
36. Pulau Rusukan Besar	Wilayah Persekutuan Labuan	
37. Pulau Rusukan Kecil	Wilayah Persekutuan Labuan	
38. Pulau Nyireh	Terengganu	[Mas. PU(A)
39. Pulau Tenggol	Terengganu	121/98]

JADUAL KEDUA

<i>(1)</i> <i>Nama Pulau</i>	<i>(2)</i> <i>Negeri</i>
1. Pulau Kapas	Terengganu

Diperbuat pada 22hb Ogos 1994.